

Impak Kemiskinan Bandar terhadap Faktor Kewujudan Golongan Belia Lewat Kembang di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Impact of Urban Poverty Towards the Existence Factors of Late Bloomers Among Youth in Higher Education Institution

NOR AZRUL MOHD ZIN, NOORDEYANA TAMBI & JAMIAH MANAP

ABSTRAK

Kemiskinan yang menular dalam kalangan masyarakat di bandar telah memberi kesan negatif kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan belia di Malaysia. Kesan kemiskinan yang diwarisi dari generasi ke generasi telah melahirkan golongan yang lambat menyambung pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi di luar garis waktu normal iaitu setelah tamat persekolahan formal. Golongan ini dikenali sebagai golongan belia lewat kembang khusus dalam pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Kelewatan daripada garis waktu normal untuk menyambung pengajian di peringkat pengajian tinggi ini juga tidak terhad kepada golongan luar bandar; malah belia lewat kembang di kawasan bandar lebih merasai tekanan itu. Golongan belia lewat kembang ini seringkali dicirikan daripada sistem pendidikan kerana tumpuan meningkatkan pendidikan sering difokuskan kepada kelompok luar bandar. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti impak kemiskinan bandar terhadap perkembangan pendidikan dalam kalangan belia lewat kembang. Kajian ini menggunakan kaedah fenomenologi (phenomenology) bagi memahami pengalaman sebenar informan serta membantu pengkaji mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat dan terperinci. Hasil kajian mendapati bahawa kemiskinan bandar yang diwarisi iaitu dari segi faktor kerjaya dan sosioekonomi jelas memberi kesan negatif terhadap perkembangan pendidikan golongan belia yang seterusnya menyumbang kepada kewujudan golongan belia lewat kembang di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Melalui faktor kerjaya, golongan lewat kembang ini berhasrat menjadikan pendidikan yang diperolehi daripada peringkat pengajian tinggi mampu memberikan peluang meningkatkan kerjaya sedia ada mereka. Manakala, faktor sosioekonomi pula mendapati bahawa perubahan status sosioekonomi mereka boleh diperbaiki melalui pendidikan diperingkat pengajian tinggi. Kesimpulannya, tanggungjawab semua pihak untuk membentuk peluang kepada golongan belia miskin bandar terutamanya dari aspek pendidikan.

Kata kunci: Miskin bandar; lewat kembang; belia; fenomenologi; pembangunan

ABSTRACT

Poverty spread among urban communities has negatively impacted the development of education among youth in Malaysia. The impact of poverty is inherited from generation to generation have been producing to those who are pursuing their studies at tertiary level beyond the normal time line, which is after graduation from formal secondary schooling. This group is known as the late-bloomers youth particularly in pursuing education at the tertiary level. The delayed from the normal time line to pursue higher education are not only limited to the rural people, and even the late-bloomers youth in the urban areas more likely to feel the pressure. The late-bloomers youth are often excluded from the education system as the focus on improving education is often focused on rural groups. Thus, this study was carried out to identify the impact of urban poverty on the development of education in late-bloomers youth. This study used the phenomenology method to understand the actual experience of the informant and help the reviewer to obtain more precise and detailed of the results. The results of the study found that the inherited urban poverty in terms of employment and socioeconomic factors clearly gave a negative impression on the development of youth education which subsequently contributed to the existence of the late-bloomers youth group at the

Higher Education Institution (IPT). Through the employment factor, the late-bloomers youth group seek for the opportunities to increase their working ability through education certification. Meanwhile, through socioeconomic factors find that changes in their socioeconomic status may be improved through education at the level of higher education. In conclusion, it is the responsibility of all parties to create opportunities for the urban poor youth especially in terms of improving education at the tertiary level.

Keywords: Urban poverty; late bloomers; youth; phenomenology; development

PENGENALAN

Kemiskinan menurut pendefinisan secara global adalah diterjemahkan sebagai suatu keadaan yang sukar atau kekurangan yang dihadapi oleh seseorang individu mahupun keluarga bagi memenuhi keperluan hak asasi manusia (Kartini 2016; Wratten 1995). Kegagalan memenuhi keperluan ini juga adalah melalui pengukuran ekonomi (pendapatan dan penggunaan) serta interpretasi nasional (persepsi masyarakat). Namun begitu, terdapat pelbagai pendefinisan kemiskinan turut dibahaskan oleh beberapa kajian lepas dengan merujuk kemiskinan adalah sebagai keadaan ketidakupayaan seseorang individu ataupun keluarga bagi memenuhi keperluan sehari-hari (Ragayah 2007). Keadaan sukar ini adalah disebabkan oleh kekurangan pendapatan yang diperolehnya dan sekaligus menolak hak mereka untuk hidup dengan selesa (Ahmad & Amartya Sen 1997; Suryawati 2005; Nor Azrul & Noordeyana 2018). Amnya, terdapat lima elemen utama yang menjadi perbahasan terhadap kekurangan memenuhi keperluan sehari-hari iaitu makanan yang sihat, pendidikan yang baik, tempat tinggal yang selamat, kesihatan yang optimum serta keselamatan sosial yang terjamin. Oleh yang demikian, desakan kos sara hidup yang tinggi serta diskriminasi dalam kalangan masyarakat telah menyebabkan golongan ini gagal untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa. Ini turut dijelaskan oleh Wan Nor Azriyati, Faizah, Noor Rosly & Wang (2011) bahawa penafian hak ini adalah merentasi pelbagai ruang sisi kehidupan seseorang individu bagi menikmati kehidupan yang sejahtera termasuklah ketidakupayaan mereka untuk menempatkan diri dalam komuniti masyarakat sehingga didiskriminasi hak mereka dalam komuniti akibat daripada terperangkap dalam keadaan kemiskinan. Penelitian kajian lepas turut menjelaskan bahawa kemiskinan adalah terbahagi kepada dua iaitu kemiskinan tegar dan kemiskinan relatif (Anand 1997). Namun begitu, rentasan pembangunan ekonomi negara dan kemajuan yang

semakin berkembang, pendefinisan kemiskinan turut mengalami perubahan kepada wujudnya kepelbagaiannya jenis kemiskinan megikut kepada *trend* kehidupan semasa. Ini dijelaskan oleh Suryawati (2005) bahawa kemiskinan kini adalah terbahagi kepada empat jenis yang utama iaitu; kemiskinan tegar, kemiskinan relatif, kemiskinan budaya dan kemiskinan struktur. Kemiskinan budaya dan struktur ini adalah disebabkan oleh persekitaran dan perkembangan budaya yang telah wujud dalam kalangan masyarakat secara umum. Oleh yang demikian, maka ia menjawab kepada persoalan bahawa kemiskinan adalah wujud adalah kerana mengalami desakan daripada aspek ekonomi (pendapatan) serta interpretasi nasional (masyarakat).

Di Malaysia, pemahaman konsep kemiskinan adalah lebih tertumpu kepada pembangunan kehidupan yang sejahtera. Ini diperjelaskan oleh Mohd Shaladdi, Wan Mohd, & Nik Wan (2006) bahawa kualiti kehidupan manusia adalah terbahagi kepada dua aspek iaitu objektif dan subjektif yang menjelaskan kepada kesejahteraan material dan kerohanian. Ini menjadikan pengukuran kesejahteraan manusia adalah tidak tertumpu kepada kekayaan (harta benda) bahkan ia turut meliputi kesejahteraan yang bersifat rohani seperti kesejahteraan diri (individu) dan hubungan sesama masyarakat (pergaulan). Ketidakupayaan bagi memenuhi keperluan ini akan menjadikan seseorang itu gagal untuk menikmati taraf kehidupan yang sejahtera dan menjadikan mereka lebih mudah terdedah kepada stigma negatif masyarakat yang akan membawa kepada persekitaran yang negatif.

Selain itu, fenomena kemiskinan di Malaysia turut tidak terkecuali daripada berhadapan dengan isu kemiskinan bandar. Amnya kemiskinan bandar adalah dirujuk sebagai suatu keadaan yang bersifat lebih kompleks. Hal ini kerana, miskin bandar adalah dirujuk sebagai suatu keadaan multidimensi yang mana ia bukan sahaja diukur dari aspek kekurangan pendapatan bulanan malah melibatkan aspek persekitaran yang lain seperti

keperluan psikologikal iaitu makanan yang sihat, kesihatan yang baik, pendidikan, tempat tinggal dan keselamatan sosial (Suryawati 2005; Nor Azrul & Noordeyana 2018; Siti Hajar, Noralina & Zaiton 2017). Manakala daripada aspek kewangan ianya adalah lebih memberi fokus kepada nilai sokongan kepada perkembangan dan kelangsungan kehidupan manusia yang lebih baik (Mark 2009). Ini menjadikan kedua-dua aspek ini adalah penting bagi menjamin kesejahteraan individu yang mendiami sesuatu kawasan lebih-labih lagi di bandar akibat daripada desakan kos sara hidup yang tinggi. Pendapat ini juga disokong dalam beberapa kajian dengan menyatakan bahawa kemiskinan bandar adalah dirujuk sebagai kegagalan kepada seseorang individu itu bagi mendapatkan keadilan bukan sahaja dari aspek ekonomi, malah ia merangkumi aspek lain yang bersifat lebih holistik termasuklah perkembangan sosial yang melibatkan pembangunan kesejahteraan manusia (Odhiambo & Manda 2003; Raharjo & Bintoro 2016).

Ia juga merupakan fenomena dunia yang mengancam kepada kesejahteraan bandar. Kajian membuktikan bahawa kemiskinan bandar adalah berpunca daripada pelbagai faktor yang memberi tekanan kepada kewujudan mereka di kawasan bandar. Antaranya ialah melalui proses migrasi daripada kawasan luar bandar ke bandar (Ravallion 2007). Proses migrasi ini adalah disebabkan oleh keinginan mereka untuk merubah status kehidupan menjadi lebih baik sekiranya mendiami kawasan bandar. Ini juga adalah disebabkan oleh peluang pekerjaan yang lebih meluas di kawasan bandar berbanding luar bandar. Namun begitu, kegagalan mereka untuk mempersiapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi telah menyebabkan mereka gagal untuk mendapatkan pekerjaan dan dihimpit dengan kemiskinan (Nor Azrul & Noordeyana, 2018). Ini disokong oleh Amis (1995) yang mana menyatakan bahawa kelangsungan hidup bagi seseorang individu adalah bergantung kepada daya tindak dan strategi yang dimiliki untuk terus bertahan dan bersaing dengan peluang yang disediakan di kawasan bandar.

SOROTAN LITERATUR

BELIA DI MALAYSIA

Secara amnya, belia merupakan komuniti yang memonopoli pusaran kepadatan pendudukan di Malaysia dan ini turut dikenali sebagai golongan

penengah antara kumpulan belia dan dewasa. Walau bagaimanapun, masih tidak terdapat pendefinisian belia secara khusus yang dipersetujui oleh mana-mana kajian lepas mahupun laporan mengenai pengukuran umur belia. Amnya, di peringkat global, pendefinisian umur belia menurut United Nation melalui Laporan Resolusi 2250 pada tahun 2015 secara amnya menyatakan bahawa umur belia adalah merangkumi individu lelaki dan perempuan di antara 18 sehingga 29 tahun (United Nations 2015). Manakala menurut kajian Lewis Holm, Lillehaug Pederson & Pettersen (2019) dan Laporan UNESCO (2019) bahawa umur pendefinisian umur belia adalah di antara 15 sehingga 24 tahun.

Namun begitu, di Malaysia teradapat pelbagai kajian dijalankan dan didapati bahawa pengukuran umur belia adalah dipersetujui bagi individu yang berada dalam kumpulan usia yang bermula pada usia 15 tahun sehingga 40 tahun (Jabatan Belia dan Sukan Negara 2018; Mohamad Hafifi, Nor Hazlina, & Izzal Asnira, 2018; Mohd Uzaini & Suhana 2018; Nur Jannah, Hyun & Aida 2018; Nor Azrul & Noordeyana 2018).

MISKIN BANDAR

Melalui kajian yang telah dijalankan, sebanyak 54% daripada kumpulan B40 di Malaysia adalah mendiami kawasan bandar dan ini dikenali sebagai golongan miskin bandar (Jayasooria 2016). Pada tahun 2016, direkodkan bahawa seramai 65% penduduk yang berada dalam kumpulan B40 adalah mendiami kawasan bandar (Siwar Chamhuri, Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias & Siti Zalikha 2019). Selain itu, di Malaysia, menurut Khalid dalam buku yang sama, sehingga tahun 2016, sebanyak 75% golongan miskin di Malaysia adalah tinggal di kawasan bandar dengan jumlah populasi sebanyak 6.7 juta penduduk miskin. Ini menjadikan mereka adalah kumpulan majoriti yang mengalami masalah kemiskinan di kawasan bandar.

Secara amnya, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kewujudan golongan miskin bandar antaranya ialah migrasi antara masyarakat luar bandar ke kawasan bandar, proses urbanisasi dan taraf pendidikan yang rendah (Wilson & Aponte 1985; Ravallion 2007; Rashid & Ishak 2007; Nor Azrul & Noordeyana 2018). Di samping itu, dalam satu kajian literatur yang telah dijalankan, terdapat juga faktor luaran lain yang menyumbang kepada kewujudan kemiskinan bandar di Malaysia

iaitu; pekerjaan yang terhad, kos sara hidup yang meningkat dan kos rumah yang meningkat (Rashid & Ishak 2007).

Manakala menurut laporan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada tahun 2018 menunjukkan bahawa purata bagi pendapatan bulanan bagi golongan miskin bandar di Malaysia adalah sebanyak RM 2,848.00 dan ke bawah. Purata pendapatan bulanan ini juga adalah diukur berdasarkan kepada pendapatan seisi rumah yang diperolehi oleh mereka. Keadaan ini menjelaskan bahawa pendapatan bulanan ini adalah masih berada di bawah paras kehidupan yang selesa jika dibandingkan dengan kos sara hidup di kawasan bandar yang semakin meningkat. Ini juga turut dibahaskan oleh beberapa kajian lepas bahawa pengukuran pendapatan bulanan seisi rumah bagi golongan miskin bandar adalah turut dilakukan dengan melihat kepada beberapa aspek seperti berikut; tahap pendidikan, jenis pekerjaan, saiz keluarga, akses kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan tempat tinggal yang selamat (PNPM, 2013). Pergerakan asas kepada jumlah pendapatan bulanan ini juga dapat dilihat dengan ketara apabila pada tahun 2016 pendapatan bulanan bagi kumpulan B40 adalah sebanyak RM 2,537.00 dan kebawah (Nor Azrul & Noordeyana 2018). Perbezaan sebanyak 11% ini menjadikan mereka semakin dihimpit dengan kemiskinan dan kesukaran untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sejahtera akibat daripada kos sara hidup yang semakin meingkat. Kegagalan kepada akses keperluan asas akan menjadikan mereka kecinciran dan terus dibelenggu dengan kemiskinan yang berpanjangan.

LEWAT KEMBANG PENDIDIKAN

Lewat kembang dalam pendidikan ada merupakan suatu fenomena yang tidak asing lagi berlaku dalam kitaran pembangunan pendidikan di Malaysia. Lewat kembang adalah didefinisikan sebagai suatu keadaan yang menjelaskan kepada keadaan kelewatan seseorang itu bagi mencapai kejayaan dalam aspek pendidikan pada masa yang efektif (Nor Azrul & Noordeyana 2018). Ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan Levin & Levin (1991) yang menjelaskan keadaan lewat kembang itu adalah suatu fenomena yang memberi fokus kepada kejaan seseorang individu dalam pendidikan. Kegagalan bagi mencapai sesuatu kejayaan pada yang yang efektif akan

menyebabkan golongan ini ketinggalan berbanding dengan rakan sebaya yang lain. Keadaan ini juga akan memberi kesan kepada kronologi semulajadi kehidupan seseorang individu itu bagi menjalani kehidupan seperti orang lain. Namun begitu, kegagalan mereka untuk mencapai kejayaan (pendidikan) pada masa yang efektif ini tidak bererti mereka gagal. Keinginan untuk kembali mencapai kejayaan walaupun pada usia yang lewat (tidak efektif) ini menjadikan mereka tergolong sebagai golongan lewat kembang.

Manakala, menurut Teori Erikson dalam aspek identiti kejayaan telah menggariskan bahawa terdapat kumpulan remaja yang mula meneroka keupayaan diri untuk membina sesuatu yang lebih baik pada masa akan datang (James 1980). Hal ini juga adalah didorong oleh faktor persekitaran yang mendesak golongan ini untuk bangkit dan mencari alternatif yang lebih baik untuk memajukan diri dan keluarga. Ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Zaharah Omar et al. (2011) yang mana wujudnya golongan lewat kembang dalam pendidikan. Secara amnya, lewat kembang adalah merujuk kepada suatu keadaan yang mana terdapatnya golongan yang memperolehi kejayaan pada usia yang lewat (Nor Azrul & Noordeyana 2018). Melalui aspek pendidikan, golongan lewat kembang adalah wujud selepas berlakunya kecinciran dalam pendidikan kepada mereka. Namun, kecinciran yang berlaku bukan bereerti mereka gagal, ia disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan seperti masalah kemiskinan. Namun, golongan ini kembali menyambung semula pendidikan bagi mencapai kejayaan yang sama seperti orang lain walaupun pada usia yang lewat iaitu melepas usia 25 tahun dan ke atas. Ini sejajar dengan luahan pandangan yang diutarakan oleh Khalid melalui Jayasooria, (2016) yang mana cabaran bagi Rancangan Malaysia ke-11 adalah untuk memastikan 1% golongan belia miskin bandar mempunyai taraf pendidikan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Hal ini sejajar dengan matlamat Belia Negara yang menggariskan bahawa untuk melahirkan belia yang berpengetahuan dan berkemahiran bagi pembangunan negara.

Penelitian literatur dijalankan dan mendapati bahawa kemiskinan yang melanda telah memberi kesan yang amat buruk kepada pembangunan pendidikan negara. Walaupun arus perdana menggesa rakyat Malaysia untuk terus membangun seiring dengan kematangan ilmu, namun kecinciran dalam pendidikan serta kurang kepada kesedaran

terhadap pembangunan pendidikan turut menjadi cabaran kepada pembangunan negara pada ketika ini. Isu pendidikan dan kemiskinan adalah cabaran utama pembangunan sesebuah negara yang turut dibincangkan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 2006). Hal ini kerana usaha membasmi kemiskinan dilihat mampu ditangani melalui pendidikan. Justeru, pendidikan bukan sekadar untuk mudah membaca, mengeja dan mengira. Malah, pendidikan sewajarnya memupuk daya pemikiran yang kritis dan kritikal supaya setiap individu mampu mengubah nasib ke arah yang lebih baik.

Selain itu, kemiskinan dan pendidikan telah memberi impak yang besar kepada pembangunan kesejahteraan masyarakat. Kajian telah membuktikan bahawa kemiskinan bandar telah memberi kesan yang ketara kepada pembangunan pendidikan anak-anak yang mana ia telah menyebabkan berlakunya keadaan yang dikatakan sebagai keciciran dalam pendidikan (Dunn, Dale & Karen 2004; Rumberger 2011; Choi & Calero 2018; Abdullah, Ismail, Shafee, Shaharom & Abdul Ghani 2019). Sorotan kajian yang telah dijalankan oleh Khalid melalui Jayasooria (2016) membuktikan bahawa pembangunan pendidikan di Malaysia adalah masih di tahap yang kurang memuaskan yang mana sehingga tahun 2016, seramai 90% remaja dalam golongan miskin bandar di Malaysia mengalami keciciran pendidikan di peringkat menengah rendah. Manakala hanya 36% yang tamat dengan sijil pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Di samping itu, keciciran dalam pendidikan turut didorong oleh sokongan dalam keluarga dan status pendidikan keluarga yang tidak memuaskan. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Khalid et al. (2018) dengan menyatakan bahawa kebanyakkan ibu bapa dan keluarga yang tergolong dalam golongan miskin bandar tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan memuaskan. Maka ini menjadi punca kepada isu keciciran dan kurang motivasi kepada anak-anak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Khalid 2016).

METODOLOGI

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan pendekatan tipologi fenomenologi (*phenomenology*). Menurut Creswell (2014) pendekatan kaedah kualitatif ini akan membantu

pengkaji untuk memahami dan meneroka masalah yang dihadapi oleh individu ataupun kumpulan sosial dengan lebih terperinci. Hal ini dibuktikan melalui kaedah temu bual secara semi-struktur dan pemerhatian terhadap kumpulan atau individu yang dikenal pasti menyumbang kepada kajian. Manakala tipologi fenomenologi yang digunakan dalam kajian ini juga membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Ini kerana, kaedah penerokaan terhadap pengalaman sebenar yang dilalui oleh informan menyumbang kepada hasil dapatan kajian yang berkualiti (Fischer 2006; Mertens 2010; Savin-Baden & Major 2010; Creswell 2014).

Kaedah temu bual secara semi-struktur dijalankan oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat kajian dengan cara memahami dan meneroka pengalaman hidup mereka sepanjang menyambung pengajian pada usia lewat. Setiap informan menjalani proses temu bual yang dijalankan secara individu mengikut kesesuaian masa, tempat dan kesedian informan untuk menjalani proses temu bual. Ini bagi memastikan risiko bias dapat dikurangkan untuk mendapatkan dapatan kajian yang lebih berkualiti. Temu bual adalah direkodkan dengan menggunakan ‘*recorder*’ bagi memudahkan pengkaji untuk penyediaan dokumen transkripsi data selepas aktiviti temu bual dijalankan. Proses ini dilakukan sebaik-baiknya dalam tempoh 48jam selepas temu bual dijalankan bagi memastikan ketepatan data dan kefahaman pengkaji sepanjang temu bual dijalankan akan dapat diterjemahkan dengan baik melalui proses transkripsi yang dilakukan.

Di samping itu, pengkaji memilih pendekatan analisis tematik (*thematic*) sebagai kaedah untuk menjalankan analisa dapatan kajian yang diperolehi. Menurut Braun & Clarke (2006) kaedah tematik merupakan satu kaedah yang sangat sesuai dan banyak diguna pakai dalam penyelidikan kajian psikologi. Di samping itu, kaedah tematik juga adalah bersifat fleksibel dengan menggunakan pakai pendekatan epistemologi yang mana membantu pengkaji untuk mendapatkan data kajian yang lebih terperinci. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan kaedah pengekodan (*coding*) bagi meningkatkan kualiti ketepatan data analisis kajian yang dijalankan (Williams & Moser 2019). Kaedah pengekodan ini juga adalah melalui beberapa langkah seperti melakukan pengekodan secara terbuka, pengekodan paksi dan pengekodan pemilihan. Ketiga-tiga proses pengekodan ini

adalah dijalankan dengan teliti oleh pengkaji bagi memastikan ketepatan dan kualiti data untuk proses analisis yang lebih tepat.

Hasil daripada pengekodan akan menghasilkan tema dan sub-tema yang akan menjawab kepada persoalan kajian. Oleh yang demikian, penelitian pengkaji bagi menganalisa dapatan kajian ini adalah sangat penting bagi memastikan ketepatan dapatan kajian yang akan membantu kepada hasil kajian yang lebih berkualiti. Dapatan tema dan sub-tema adalah seperti dalam Rajah 1.

HASIL KAJIAN

PROFAIL DEMOGRAFI

Seramai enam informan terlibat dalam kajian ini. Kajian ini juga merupakan kajian rintis yang dijalankan bagi menguji instumen dan kesahihan dapatan sebelum kajian sebenar dijalankan. Mereka adalah daripada golongan belia lewat kembang dalam pendidikan yang mana sudah menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pemilihan informan adalah dibuat dengan merujuk beberapa kriteria yang telah ditetapkan seperti tamat pengajian ijazah sarjana muda pada usia antara 25 – 40 tahun, tinggal di kawasan bandar dan pendapatan keluarga tidak melebihi RM 3,000.00 dan kebawah. Dapatan kajian profail demografi adalah seperti dalam Jadual 1.

Faktor Kewujudan Belia Lewat Kembang

Kajian mendapati bahawa keinginan individu yang menyambung pengajian pada lewat usia adalah didorong oleh beberapa faktor utama seperti faktor kerjaya dan faktor sosio-ekonomi.

Faktor Kerjaya

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa faktor kerjaya adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kewujudan belia lewat kembang dalam pendidikan. Selain daripada memenuhi keperluan kerjaya, minat terhadap bidang kerjaya turut menyumbang kepada keinginan untuk menyambung pendidikan ke peringkat lebih tinggi walaupun pada usia yang lewat. Ini turut menjadikan ia bukanlah penghalang untuk berjaya bahkan ia merupakan faktor dorongan yang paling kuat untuk menjadikan mereka kembali ke dalam sistem pendidikan.

Selain itu dorongan yang bermula daripada keperluan aspek kerjaya menjadikan mereka minat untuk menyambung pengajian pada usia yang lewat. Ini adalah kerana kecintaan kepada kerjaya menjadikan mereka ingin mendalam dan mengetahui secara lebih mendalam akan sesuatu kefahaman mengenai kerjaya yang mereka ceburi. Keperluan kefahaman pada tahap pengajian yang lebih tinggi turut membantu meningkatkan taraf kefahaman dan kemahiran mereka selari dengan pengalaman yang sedia dimilikinya.

“...sebab yang mendorong adalah lebih kepada minat dalam pekerjaan. Kerana sekarang berkhidmat dalam Procurement. Lebih melibatkan polisi dan prosedur. Jadi, bos saya lebih banyak bagi galakan dari aspek mendorong kepada pangkat dalam pekerjaan yang lebih baik. Saya minat kepada pekerjaan yang saya lakukan sekarang dan ini mendorong saya untuk menyambung pengajian kerana saya ingin mendalam lebih mengenai kefahaman dalam pekerjaan yang saya lakukan.”

(Informan E, 2020)


“...saya start minat untuk belajar semula bila saya sudah bekerja. Saya ada patient yang kene refer berkaitan psikologi sebab tak nak makan ubat. Bila sudah refer psychologist, dia balik kepada kami dan saya nampak perubahan tu. Mereka nampak minat untuk makan ubat dan sebagainya. Benda ini yang buat saya teruja. Apa yang mereka buat sebenarnya sampai boleh ubah pemikiran orang-orang macam ni. Sebab itu bila saya fikir semula, kos ni sangat sesuai dan berguna kepada kerja yang saya lakukan sekarang ni. So, lepas ni saya kalau saya ada kepakaran tu, saya boleh uruskan sendiri patient macam ni. Tak perlu refer kepada psychologist.”

(Informan A, 2020)

Di samping itu, minat yang terdorong hasil daripada pengalaman dalam bidang kerjaya turut menyebabkan mereka memilih untuk menyambung semula pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Tahap ingin tahu yang tinggi serta keinginan untuk menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang kerja menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk menyambung pendidikan walaupun pada usia yang lewat. Bagi mereka pengalaman yang dimiliki akan lebih bermakna sekiranya mereka turut mahir dari aspek teori. Amnya, kemahiran pendidikan yang melayakkkan seseorang individu untuk berjaya dalam pembinaan kerjaya tidak adalah terbahagi kepada dua elemen iaitu kelayakan akademik (*hard skills*) dan juga kemahiran tambahan seperti komunikasi, pengalaman kerjaya dan sebagainya (*soft skills*). Kedua-dua ini berfungsi sebagai pelengkap kepada kesediaan individu

JADUAL 1. Profil demografi

Informan	Umur	Jantina	Pekerjaan	Pendapatan bulanan
A	27	Lelaki	Pembantu Pegawai Perubatan	RM 2,700.00
B	26	Lelaki	Pekerja swasta	RM 1,500.00
C	27	Perempuan	Bekerja sendiri	RM 900.00
D	31	Lelaki	Pembantu Pegawai Perubatan (Lab)	RM 2,700.00
E	28	Lelaki	Pekerja swasta	RM 2,700.00
F	32	Lelaki	Pekerja swasta	RM 2,800.00



RAJAH 1. Sub-tema dan tema hasil dapatan kajian

untuk melayakkkan diri untuk mendapat tempat di pasaran kerjaya serta membantu untuk membina kehidupan yang lebih sejahtera (Ishak Yussof, Rahmah Ismail, & Robiah Sidin, 2008). Oleh yang demikian, kewujudan belia lewat kembang akibat daripada kerjaya yang diceburi adalah bertepatan dengan keperluan semasa bagi melengkapkan diri mereka dengan *hard skills* yang diperlukan seiring *soft skills* yang dimiliki. Selain itu, ini juga adalah sebagai nilai tambah kepada mereka untuk lebih maju kehadapan dalam kerjaya seperti peluang untuk kenaikan pangkat, kenaikan gaji dan sebagainya.

“Sebab tu bila saya pikir balik, kos ni sangat sesuai dan berguna kepada kerja yang saya lakukan sekarang ni. So lepas ni saya kalau saya da kepakaran tu, saya boleh uruskan sendiri patient ni. Tak perlu refer kepada pakar psychologist.”

(Informan A, 2020)

“Dah banyak saya belajar masa degree. Bukan hanya pada subjek, tapi tak dinafikan ilmu pada setiap subjek tu membantu kita untuk lebih memahami konsep untuk diperaktiskan masa keje.”

(Informan B, 2020)

“Saya minat kepada pekerjaan dan ini mendorong saya untuk menyambung pengajian kerana saya ingin mendalami lebih mengenai kefahaman dalam pekerjaan yang saya lakukan.”

(Informan E, 2020)

Di samping itu, kewujudan golongan lewat kembang juga adalah didorong oleh kerana keperluan asas kerjaya yang dimiliki oleh seseorang individu. Kegagalan memenuhi keperluan asas kerjaya akan mendorong kepada tahap kepuasan kerjaya yang tidak memuaskan. Hal ini juga akan menyebabkan seseorang individu itu tidak akan mampu untuk membina kerjaya dalam meningkatkan taraf kehidupan untuk menjadi

lebih baik. Ini djelaskan oleh informan B dengan menyatakan bahawa;

“Masa tu saya keje bahagian accounting. So untuk dapatkan certificate ACCA perlukan basic degree. Sebab itu la saya sambung degree. Untuk peningkatan taraf kerjaya saya.”

(Informan B, 2020)

“Lebih menjurus kepada keperluan organisasi dan keperluan bidang kerja yang memerlukan lebih kepakaran dalam setiap bidang dan perincian. Selain itu datang pula peluang benefit dari aspek kenaikan pangkat dan gaji yang lebih mendorong kepada keinginan untuk menyambung pengajian.”

(Informan E, 2020)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa keperluan taraf pendidikan yang lebih tinggi adalah penting untuk memenuhi keperluan kerjaya di samping kemahuan untuk menimba ilmu tambahan bagi keperluan akan datang. Maka, ini turut menyumbang kepada tahap motivasi yang lebih tinggi untuk menyambung pendidikan walaupun pada usia yang lewat. Tambahan pula, sokongan majikan turut memainkan peranan dalam keinginan untuk meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini turut membantu untuk memberi dorongan motivasi kepada mereka untuk menyambung pengajian walaupun dibebani dengan komitmen kerjaya semasa.

“... yang satu lagi sebab galakan daripada employer masa tu. Bos support saya untuk sambung belajar.”

(Informan B, 2020)

“Bos ada jugak pernah pesan kalau nak pegi belajar boleh tapi kerja ni jangan tinggalkan. Jangan sampai mengganggu kerja hakiki. Jangan selalu hilang daripada urusan kerja kalau itu adalah waktu kerja.”

(Informan A, 2020)

“Dia support dan dia tanya jugak kenapa saya buat bidang ni. Dia suruh justify kenapa dan apa sumbangannya untuk bidang kerjaya selepas habis belajar nanti. So, saya siapkan eseи dan hantar. Dapat sokongan Head of Department dan hantar terus ke bahagian latihan.”

(Informan D, 2020)

Keadaan ini menjelaskan bahawa sokongan daripada majikan turut menyumbang kepada peluang mereka untuk menyambung pengajian walaupun pada usia yang lewat. Sokongan yang diberikan turut menyumbang kepada tahap motivasi mereka untuk meneruskan pengajian walaupun terpaksa akur pada komitmen dan tugas kerjaya semasa yang dimiliki. Mereka merasakan perlu untuk meningkatkan kemajuan diri agar sejajar dengan keperluan pekerjaan dan

jaminan masa hadapan. Sehubungan itu, urusan menyambung pengajian di peringkat pengajian tinggi ini tidak menjadi cabaran dan halangan besar kepada mereka walaupun berlakunya penambahan komitmen dalam kehidupan dan kerjaya. Mereka merasakan diri mereka diperlukan bagi kemajuan syarikat dan sekaligus membuka peluang mereka memajukan diri melalui pendidikan.

Dari satu aspek yang lain juga, kewujudan lewat kembang dalam pendidikan adalah turut disebabkan oleh kerana terikat dengan peraturan pekerjaan yang mereka ceburi seperti kontrak kerja yang telah dipersetujui pada ketika menerima tawaran kerja tersebut. Terikat dengan polisi organisasi tempat bekerja adalah turut menyumbang kepada keadaan kelewatan golongan ini untuk menamatkan pengajian peringkat ijazah pada usia yang efektif. Akibat daripada itu, maka mereka terpaksa menunggu tempoh tamat kontrak mahupun persetujuan organisasi untuk melepaskan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

“Saya memang nak sambung belajar. Tapi HOD yang tak lepaskan. Anatara sebabnya adalah dia kata sebab dulu kami punya unit agak kecil dan tak ramai staff. So, kalau ada orang yang pergi sambung belajar kami akan mengalami masalah short staff. Kemudian pada masa yang sama, senior saya ada apply jugak nak sambung belajar. So dekat situ HOD kata kena berikan pada senior kerana konsep seniority.”

(Informan D, 2020)

“Selepas saya habis diploma, saya kene bonding dengan SPA 2-3 tahun sebelum boleh sambung degree. kalau takde bonding, memang saya akan sambung terus. Tapi sebab ada bonding saya kerja dulu.”

(Informan A, 2020)

Oleh kerana situasi yang tidak dapat dielakkan ini menjadikan individu ini terpaksa menangguhkan hasrat untuk menyambung pengajian sejurus selepas tamat pendidikan peringkat diploma dan terpaksa bekerja akibat daripada kontrak perjanjian pekerjaan yang telah dipersetujui bersama. Selain itu, ia turut mengundang kepada impak kesediaan individu untuk meneruskan pengajian selepas melalui fasa pekerjaan. Cabaran dari aspek komitmen terhadap kerjaya dan kehidupan sehari-hari menjadikan individu lewat kembang berhadapan dengan keadaan sukar berbanding mereka yang meneruskan pengajian secara sepenuh masa.

“Pada mulanya memang saya target 2 or 3 years after habis diploma untuk sambung degree. Sebab komitmen tak banyak lagi. Tapi itulah rezeki datang lambat. After 9 years baru dapat sambung degree. Takpelah just go for

it. Peluang pun susah nak dapat. So just grab the chance depan mata.

Dari segi ekonomi tu.. memang dah fikir masak-masak la. Berkaitan dengan saving, kos sepanjang belajar sama ada yuran atau sara hidup, so far, alhamdulillah still survive lagi la (gelak kecil)."

(Informan D, 2020)

"Pernah rasa masa sukar bila belajar ni. Masa tu sem 1. Sebab baru nk start. Dengan urusan kerja, balik kerja pegi kedai then balik makan dan terus tido sebab sebab esok da kerja semula. Ada satu masa tu rasa putus asa mcm nak berhenti."

(Informan A, 2020)

Hakikatnya, golongan kembang lewat ini perlu berkompromi dengan situasi yang tidak dapat dijangka dalam keperluan pekerjaan semasa sehingga mengakibatkan mereka ini menangguhkan hasrat menyambung pengajian ke satu tempoh masa yang lebih sesuai. Namun, kemauan dan kegigihan mereka ini perlu difahami bahawa komitmen sedia ada juga menjadi cabaran dalam merealisasikan hasrat menyambung pengajian pada usia lebih matang.

Faktor Sosio-Ekonomi

Selain daripada faktor kerjaya yang mendorong kepada kewujudan belia lewat kembang, hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa taraf sosio-ekonomi turut menyumbang kepada kewujudan belia lewat kembang di Malaysia. Hal ini dirujuk apabila taraf sosio-ekonomi kehidupan adalah rendah akibat daripada kekurangan taraf pendidikan yang dimiliki oleh individu tersebut. Di samping itu, taraf pendidikan yang rendah turut memberi kesan kepada tahap pekerjaan yang diceburi oleh mereka. Oleh yang demikian, ini menjadikan mereka tidak mampu untuk memperolehi pendapatan yang mampu memberi tahap selesa untuk meneruskan kehidupan dalam situasi keadaan semasa.

Taraf pendidikan secara amnya akan menentukan tahap pekerjaan seseorang. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada jumlah pendapatan bulanan yang diperolehi oleh mereka. Oleh kerana itu, memilih untuk menyambung semula pendidikan adalah alternatif yang mampu memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan status kehidupan pada tahap yang lebih baik. Dapatkan kajian ini seiring dengan dapatan kajian oleh Nor Aini (2004) yang menyatakan peningkatan pendidikan mampu meningkatkan pendapatan demi kelangsungan hidup masa hadapan.

"Tapi keadaan organisasi masa tu diploma ni tak cukup. Terutamanya bab gaji. Kecik la. Kalau ada lebih tinggi, dapat lebih la kan."

(Informan B, 2020)

Di samping itu, kelayakan akademik yang lebih baik juga akan memberi manfaat yang lebih baik kepada individu dalam aspek perkembangan kerjaya seperti kenaikan pangkat mahupun bagi memperolehi perkerjaan yang tetap. Hal ini turut menjadi faktor penolak kepada mereka untuk menyambung pendidikan walaupun pada usia yang lewat.

"Kalau saya habis belajar kos psikologi ini nanti, dalam jabatan kami ada satu post namanya pegawai psikologi dan kaunseling. So bermakna saya akan mungkin ditempatkan di post tu untuk deal dengan patient."

(Informan A, 2020)

"I kerja sendiri. Buat home tutoring. Everything I plan sendiri. So, I struggle untuk dapatkan kerja yang tetap."

(Informan C, 2020)

Umumnya, kenaikan pangkat yang ditawarkan oleh majikan atau organisasi turut memberi galakan kepada mereka dan kelebihan dari aspek peningkatan taraf kehidupan melalui kenaikan gaji dan sebagainya.

"Secara jujurnya ada jugak disebabkan faktor gaji. Sebab ikotkan kenaikan pangkat time-based, saya perlukan 10 tahun pengalaman kerja untuk naik gred 32. Sebab tu saya pikir bila saya buat degree saya boleh fastrack terus ke U41. Dapat gaji lagi besar dan pangkat dengan jangka masa singkat."

(Informan A, 2020)

"saya pernah jugak terfikir antara penyebab saya menyambung pengajian semula adalah sebab kenaikan gaji."

(Informan D)

"...selain itu datang pula peluang benefit dari aspek kenaikan pangkat dan gaji yang lebih mendorong kepada keinginan untuk menyambung pengajian."

(Informan E, 2020)

"...masa tu memang rasa nak sambung belajar sebab saya fikir aku degree ni sekurangnya aku tinggi sikit. Up sikit dari status pendidikan. Lebih sikit daripada orang yang ada diploma je. Kedua dari segi gaji. Selalunya bezanya beberapa ratus dan ini lebih baik daripada lulusan diploma."

(Informan B, 2020)

Desakan kos sara hidup yang semakin meningkat menjadikan keperluan kepada peningkatan taraf kehidupan adalah penting bagi menjamin kehidupan yang lebih sejahtera. Bagi golongan belia umumnya, pembangunan

kehidupan melalui perkembangan pendidikan adalah sangat sinonim dengan perkembangan kerjaya yang diceburi. Hal ini adalah bagi memberi jaminan kepada kelangsungan kehidupan yang lebih baik bersandarkan kepada keperluan pendidikan dan kerjaya. Ini juga adalah bagi memastikan pembangunan kehidupan yang sihat. Secara tidak langsung ia boleh mengurangkan kepada pembangunan belia yang tidak sihat seperti terlibat dalam kegiatan jenayah sivil, kolar putih mahupun pengangguran. Oleh itu, pembangunan pendidikan adalah sangat wajar bagi memastikan pembangunan kehidupan yang lebih sejahtera walaupun pada usia yang lewat.

PERBINCANGAN

Pendekatan pembangunan pendidikan dalam kalangan belia lewat kembang adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada pembinaan modal insan yang cemerlang. Hal ini membuktikan apabila pembangunan pendidikan dijadikan sebagai teras kepada keperluan masyarakat yang sejahtera. Hal ini menjadi lebih positif apabila ia mendapat tempat dalam kalangan belia yang mengalami masalah keciciran pendidikan pada peringkat awalnya, namun kembali bangkit dan meneruskan iltizam untuk menyambung pengajian pada usia yang lewat. Maka ini menjadikan wujudnya golongan lewat kembang dalam kalangan masyarakat.

Hasil kajian menunjukkan bahawa keperluan kerjaya adalah salah satu faktor yang membawa kepada kewujudan golongan belia lewat kembang dalam kalangan belia. Ini adalah kerana cabaran bagi berhadapan dengan kehidupan adalah semakin meningkat. Keadaan kos sara hidup yang meninggi serta keperluan kepada akses kehidupan yang semakin mencabar menjadikan kerjaya adalah salah satu faktor yang mendorong kepada pembangunan kehidupan yang lebih baik. Namun begitu, ia juga adalah didorong oleh status pendidikan yang lebih baik. Kajian membuktikan bahawa bagi mendapatkan akses kepada tahap kerjaya yang lebih baik, maka ia seharusnya adalah dengan peningkatan status tahap pendidikan. Ini menjelaskan kepada kepentingan pendidikan dalam peningkatan seseorang individu. Hal ini turut dipersetujui oleh Hairunnaja (2006) bahawa taraf kerjaya seseorang itu adalah turut disebabkan oleh status pendidikan yang dimilikinya. Justeru, ia menunjukkan

bahawa status pendidikan yang dimiliki oleh seseorang individu akan memberi impak kepada status pekerjaan yang akan diceburi olehnya. Melihat kepada tuntutan kerjaya pada ketika ini, dapatkan kajian turut menjelaskan bahawa status tahap pendidikan pada peringkat Diploma masih belum mampu untuk memberi jaminan kepada kualiti kehidupan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, keperluan bagi melengkapkan diri dengan tahap pendidikan ke peringkat ijazah sarjana muda adalah dilihat sebagai alternatif yang terbaik bagi melengkapkan diri seseorang individu dengan kelayakan yang sebaiknya untuk bersaing di pasaran kerjaya. Di samping itu, bagi mereka yang sudah bekerjaya, alternatif bagi mengembangkan potensi dalam organisasi dan kelayakan untuk mendapatkan status pekerjaan (pangkat) yang lebih baik juga adalah dengan memiliki tahap pendidikan yang lebih baik. Kajian mendapati bahawa kedua-dua sektor pekerjaan sama ada kerajaan mahupun swasta turut menitikberatkan elemen pendidikan bagi melayakkan seseorang itu ditempatkan di perjawatan yang lebih tinggi. Hal ini turut sejajar dengan hasrat murni Dasar Belia Negara (KBS, 2015) yang menggariskan bahawa setiap belia di Malaysia seharusnya peka terhadap peluang dan ruang yang dimiliki untuk mengembangkan potensi dan pembangunan diri ke arah yang lebih baik. Ini juga seharusnya menjadi sumber kukuh bagi melahirkan belia yang berkredibiliti tinggi dan kompeten dengan keperluan bagi melahirkan sumber manusia yang berkualiti. Di samping itu, ia juga akan membantu organisasi untuk berdaya saing dengan lebih baik apabila memiliki pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran yang lebih baik bagi menjalankan tugas dengan lebih matang dan rasional. Hal ini adalah penting bagi kelangsungan organisasi serta kompetensi terhadap servis yang diberikan.

Di samping itu, hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa minat terhadap kerjaya turut menyumbang kepada keadaan wujudnya golongan kembang lewat dalam kalangan belia di Malaysia. Hal ini adalah sejajar dengan keperluan kerjaya yang diceburi oleh golongan belia itu sendiri. Penelitian dijalankan dan jelas menunjukkan bahawa dorongan terhadap minat yang tercetus akibat daripada kerjaya yang diceburi menyumbang kepada berlakunya kewujudan golongan ini di Malaysia. Kecenderungan terhadap minat terhadap kerjaya berupaya menarik perhatian dan keinginan golongan ini untuk meningkatkan taraf kehidupan

melalui pendidikan. Hal ini menjadikan ianya adalah sebagai salah satu elemen yang mampu menyumbang kepada pembangunan belia yang sejahtera. Memajukan diri melalui pendidikan adalah dilihat sebagai alternatif yang mampu memberi keuntungan dan peluang yang lebih cerah pada masa akan datang. Hal ini juga adalah didorong dengan manfaat dan kelebihan sekiranya memiliki taraf pendidikan yang lebih baik. Secara amnya, dalam setiap organisasi, pemilikan status pendidikan yang lebih baik akan memberi jaminan kepada pangkat dan pekerjaan dan jumlah perolehan pendapatan yang baik. Ini dinyatakan dalam hasil dapatan kajian bahawa minat kepada peningkatan pendidikan yang terdorong daripada kerjaya yang diceburi akan memberi kelebihan dari aspek kenaikan pangkat dan kenaikan gaji pada tahap yang lebih baik.

Selain itu, kecenderungan minat yang dizahirkan oleh mereka turut mendapat respon positif daripada pihak majikan. Hal ini turut dijelaskan dalam hasil dapatan kajian dan menunjukkan bahawa respon yang positif diberikan oleh majikan telah memberi suntikan semangat dan motivasi mereka untuk menyambung pengajian walaupun pada lewat usia. Hal ini ini juga dijelaskan secara terperinci apabila majikan turut memberi sokongan yang positif walaupun mereka memahami akan tugas dan beban kerja yang dimiliki adalah bukan penghalang kepada mereka untuk meneruskan pengajian. Kepercayaan dan motivasi yang ditunjukkan oleh majikan telah memberi suntikan semangat kepada mereka untuk meneruskan pengajian.

Hasil kajian turut membuktikan bahawa pendapatan semasa yang diperolehi melalui status pendidikan yang rendah adalah tidak mampu memberi jaminan kehidupan yang lebih baik. Hal ini lebih membebankan kepada golongan belia yang mendiami kawasan bandar yang mana keperluan terhadap kos sara hidup adalah tinggi dan ini menjadi beban yang besar sekiranya pendapatan yang diperolehi adalah rendah dan ini juga adalah meliputi kumpulan B40 di Malaysia. Oleh itu, secara tidak langsung, peningkatan taraf pendidikan bukan sahaja memberi impak dari aspek pembangunan kerjaya malah ia turut memberi kesan langsung kepada pembinaan kehidupan yang lebih sejahtera meliputi aspek kepuasan kerja dan pendapatan bulanan.

Analisis kajian mendapati bahawa status pendidikan akan memberi kesan kepada perkembangan kerjaya yang diceburi (Zurina

Ahmad Saidi, Hukil Sino & Norinsan Kamil Othman 2018). Ini dijelaskan dalam dapatan kajian yang mana tahap pendidikan diploma adalah tidak mampu memberi jaminan kehidupan yang selesa. Hal ini adalah disebabkan oleh jumlah pendapatan yang diperolehi berdasarkan kelayakan akademik tersebut adalah rendah. Keadaan ini menyebabkan kesukaran kepada mereka untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa akibat daripada terperangkap dalam isu kemiskinan bandar B40. Ini juga adalah disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat dan ini memberi cabaran kepada mereka untuk menjalani kehidupan dengan lebih selesa. Sungguhpun mereka masih berstatus bujang, namun tanggungjawab terhadap keluarga seperti ibu bapa dan adik beradik masih berada dalam tanggungan. Ada juga di antara mereka terpaksa melakukan dua perkerjaan sekaligus demi menampung kehidupan semasa. Komitmen ini juga semakin bertambah apabila berhasrat untuk menyambung pendidikan walaupun dalam keadaan komitmen yang tinggi. Namun semangat dan motivasi yang tinggi bagi meneruskan pengajian menyebabkan mereka terus berada dalam sistem pendidikan. Hal ini turut disebabkan matlamat mereka yang jelas bagi memperbaiki taraf kehidupan untuk menjadi lebih selesa melalui peningkatan taraf pendidikan. Jaminan kerjaya yang lebih baik dan jumlah pendapatan yang meningkat menjadi faktor yang jelas kepada kecenderungan ini dan ini menjadikan mereka akur pada keperluan bagi memperolehi taraf pendidikan yang lebih baik walaupun pada usia yang lewat.

Oleh yang demikian, desakan terhadap keperluan kerjaya adalah penting sebagai tonggak kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan belia. Walau bagaimanapun, ianya juga haruslah menjadi perhatian pihak yang berkepentingan bagi merangka strategi dan program agar usaha ke arah pembinaan masyarakat melalui pendidikan ini terbela terutamanya melalui sokongan dari aspek kewangan, penempatan ke IPT, program pendidikan yang bersesuaian dan sebagainya. Maka secara tidak langsung ia dapat mengurangkan risiko dan menambah lebih peluang dan akses mereka terhadap peluang pendidikan untuk menjana pembangunan kehidupan yang sejahtera.

Selain itu, faktor kepada peningkatan status sosio-ekonomi turut diperjelaskan dalam kajian ini secara terperinci melalui dapatan kajian yang diperolehi daripada informan yang terlibat. Ia

menunjukkan bahawa peningkatan dari jumlah pendapatan yang bakal diperolehi dan kenaikan pangkat adalah jaminan kepada mereka sekiranya tamat pengajian peringkat ijazah pertama. Maka ia menjelaskan bahawa kelebihan yang dijanjikan oleh majikan ini menjadikan golongan ini lebih bersemangat untuk menamatkan pengajian walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam proses pembelajaran yang dilalui. Di samping itu, ia juga adalah didorong oleh semangat ingin merubah status ekonomi diri dan keluarga. Penelitian turut dijalankan dan mendapati bahawa tema kepada peningakatan status sosio-ekonomi ini adalah elemen yang seharusnya menjadi perhatian umum pada ketika ini. Laporan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kos sara hidup dalam kalangan rakyat Malaysia.

Umumnya bagi golongan miskin bandar (B40), didapati bahawa terdapat pergerakan yang meningkat kepada jumlah pendapatan bulanan yang diperolehnya setiap bulan. Ini dibuktikan bahawa pada tahun 2016 (Nor Azrul & Noordeyana 2018) melaporkan jumlah pendapatan bulanan seisi rumah adalah sebanyak RM 2,537.00 dan kebawah makala pada tahun 2018 (KPLB, 2018) adalah sebanyak RM 2,848.00 dan kebawah. Ini mencatakan peningkatan sebanyak 11% bagi tempoh 2 tahun. Peningkatan ini juga adalah dilihat selari dengan peningkatan kos sara hidup semasa yang menjadikan golongan ini terus dihimpit dengan kemiskinan yang tiada kesudahan. Oleh yang demikian, keadaan ini menjelaskan dengan tepat kepada faktor yang mendorong kepada keinginan golongan yang berstatus pendidikan rendah di kawasan bandar untuk menyambung pendidikan keperingkat yang lebih tinggi bagi membebaskan diri mereka dan keluarga daripada belenggu kemiskinan bandar.

Maka ini tidak mustahil jika wujudnya lebih ramai golongan yang berpengetahuan dan berkemahiran akan wujud dan memberi pesaingan yang positif kepada dunia pasaran kerjaya pada masa akan datang. Ini turut mendokong kepada hasrat Dasar Belia Negara (KBS, 2015) yang berhasrat untuk mengangkat belia ke peringkat yang lebih tinggi melalui bidang keutaamaan belia yang ke lapan iaitu profesionalisme kerja belia. Ini adalah selari dengan dapatan kajian yang menjurus kepada fokus untuk melahirkan belia yang berupaya untuk memajukan diri dan berkopotensi dalam pembangunan kerjaya. Ini adalah bagi menyumbang kepada pembangunan daya strategik negara pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, lewat kembang adalah suatu terma yang menunjukkan keadaan lewat seseorang individu untuk menamatkan pengajian pada usia yang efektif. Namun ia tidak bererti kepada kegagalan. Dalam usia yang lebih matang, pelbagai komitmen dan tanggungjawab yang sedia ada menjadikan golongan ini perlu bijak menyeimbangkan keperluan dan kehendak sebelum menyambung pengajian di peringkat pengajian tinggi. Situasi ini boleh dirujuk sebagai suatu keadaan untuk mengembangkan potensi dan memperkasa belia untuk lebih berdaya saing dalam menjana modal insan yang gemilang. Sikap proaktif ini sewajarnya menjadi rujukan kepada semua golongan yang mahukan perubahan yang lebih baik dalam kehidupan seharian. Melalui pembangunan pendidikan inilah yang menjadi sandaran utama kepada agen perubahan status sosial masyarakat bagi individu dan juga keluarga sebelum melahirkan masyarakat yang lebih berilmu. Kemiskinan yang melanda tidak seharusnya menjadi penghalang untuk mencapai cita-cita demi menikmati kehidupan yang selesa. Hal ini harus dilihat sebagai peluang untuk memajukan diri dan keluarga sekaligus keluar daripada kelompok kemiskinan yang melanda. Pembangunan pendidikan dilihat sebagai pelaburan masa hadapan juga haruslah mendapat sokongan penuh daripada pihak yang berkepentingan seperti kerajaan dan institusi pendidikan bagi memastikan segala dasar dan program yang direncanakan adalah bersifat inklusif supaya tidak berlaku sebarang pengecualian sosial dalam kalangan masyarakat. Golongan kembang lewat ini sewajarnya mendapat bantuan dan dorongan khas daripada pelbagai pihak agar matlamat melahirkan generasi yang berilmu dan juga berkemahiran dapat dicapai.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibantu oleh Geran Forensik Sosio-Elektoral (SK-2017-002).

RUJUKAN

- Abd Aziz Rekan, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. 2019. Peranan konsep ‘surau hijau’ dalam membentuk komuniti lestari di sekolah. *Akademika* 89(3): 99-112
- Abdullah, Z., Ismail, S., Shafee, S., Shaharom, M., & Abdul Ghani, M. 2019. Pengaruh pembelajaran

- akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 6(2): 44-70.
- Ahmad, S., & Amartya Sen. 1997. *Concept of Human Development and Poverty: A Multidimensional Perspective*. UNDP.
- Amis, P. 1995. Making sense of urban poverty. *Environment and Urbanization* 7(1): 145-158.
- Anand, S. 1977. Aspect of poverty in Malaysia. *Review of Income and Wealth*: 1-16.
- Azizi Yahya, & Shahrin Hashim. 2008. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya dalam kalangan pelajar pendidikan teknikal dan vokasional. Dlm., *Memahami Personaliti Remaja*, disunting oleh G. Lee. Skudai: UTM Press.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- Buerah Tunggak, & Zoolhilmi Ahmed. 2015. Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia bumiputera Muslim. *Akademika* 85(2): 29-43.
- Choi, A., & Calero, J. 2018. Early school dropout in Spain: Evolution during the great recession. In *European Youth Labour Markets*, edited by M. Malo, & A. Moreno Minguez. Barcelona: Springer.
- Creswell, J. 2014. *Research Design*. 4th edition. London: SAGE Publication.
- Dunn, C., Dale, C., & Karen, R. 2004. Variables affecting students' decision to drop out of school. *Remedial and Special Education*: 314-323.
- Fischer, C. 2006. *Qualitative Research Method for Psychologist*. California: Academic Press.
- Hairunnaja Najmuddin. 2006. *Membimbing remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Selangor: PTS Professional.
- Ishak Yussof, Rahmah Ismail, & Robiah Sidin. 2008. Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM . *Akademika* 72: 3-24.
- Jabatan Belia dan Sukan Negara. 2018. Dasar Belia Malaysia. Portal Rasmi Jabatan Belia dan Sukan Negara: <http://www.jbsn.gov.my/en/dasar.html>. Diakses pada: 24 November 2018.
- Jayasoria, D. 2016. *Inclusive Development for Urban Poor & Bottom 40% Communities in Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kadir Arifin, Zitty Sarah Ismali, Mazhani Muhammad & Muhammad Lui Juhari. 2019. Analisis keberkesanannya komunikasi dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di universiti penyelidikan di Malaysia. *Akademika* 89(3): 183-194
- Kartini Abo Talib@Khalid. 2016. Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika* 86(2): 65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2015. *Dasar Belia Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. 2018. Data Asas KPLB. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
- Khalid, M. A. 2016. *Climbing the Ladder: Socio-economic Mobility in Malaysia*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Khalid, M. A., Siti Nur Fatimahtul Maryam, A., Zouhair, R., & Endie Shazlie, A. 2018. *Children Without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur*. Malaysia: United Nations Childrens' Fund.
- Levin, J., & Levin, W. 1991. Sociology of Educational Late Blooming. *Sociological Forum*: 661-679.
- Lewis Holm, N., Lillehaug Pederson, L.-M., & Pettersen, E. 2019. Youth, gender, and perceptions of security in Norway. *International Journal of Adolescence and Youth* 25(1):421-434.
- Mark R. , M. (2009) Urban poverty: Concepts and measures. *Urban poverty and health in developing countries*. Washington, United States: Population Reference Bureau.
- Mertens, D. 2010. *Research and Evaluation in Education and Psychology*. 3rd edition. Washington: SAGE Publication.
- Mohamad Hafifi, J., Nor Hazlina, H., & Izzal Asnira, Z. 2018. Stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA): Satu pendekatan tindakan penyertaan dalam kalangan belia di pulau pinang. *Jurnal Komunikasi*: 55-74.
- Mohd Nasir Selamat & Mukhiffun Mukapit. 2018. The Relationship between task factors and Occupational Safety and Health (OSH) performance in the printing industry. *Akademika* 88(3): 65-76.
- Mohd Shaladdin Muda, Wan Mohd Amin, W. & Nik Wan Omar. 2006. Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan* 4(2): 58-77.
- Nor Aini Haji Idris. 2004. Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua felda social mobility amongst the second generation of Felda. *Akademika* 64: 83 - 95.
- Nor Azrul Mohd Zin, & Nordeyana Tambi. 2018. Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32(3): 119-130.
- Nur Jannah, B., Kim, K., & Aida, I. 2018. Hubungan antara pendapatan dan perbelanjaan harian bagi golongan belia melayu di Kuala Lumpur. *Journal of Science and Humanities*: 24-35.
- Odhiambo, W., & Manda, D. 2003. Urban poverty and labour force participation in Kenya. *World Bank Urban Research Symposium*. Washington: Kenya Institute for Public Policy Research and Analysis (KIPPRA).
- PNPM. 2013. Indonesia: Urban poverty and program review. Indonesia: PNPM Support facility.

- Ragayah Haji Mat Zin. 2007. Understanding the formulation of the revised poverty line in Malaysia. *Akademika* 70(1): 21 - 39
- Raharjo, A., & Bintoro, R. 2016. Access to justice bagi rakyat miskin korban kejahatan. *Prosiding Seminar Nasional Multi Disiplin Ilmu & Call For Papers Unisbank Semarang*: Unisbank Semarang.
- Rashid, M. F., & Ishak Ab. Ghani. 2007. Migrasi dan kemiskinan bandar: Suatu kajian literatur. *Paper presented at PKPPM, Pulau Pinang*. Pulau Pinang.
- Ravallion, M. 2007. Urban Poverty. *Finance & Development*. Washington, United States: IMF.
- Rumberger, R. W. 2011. *Dropping Out*. Harvard: Harvard University Press.
- Savin-Baden, M. & Major, C. 2010. *New Approaches to Qualitative Research*. New York: Routledge.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar & Zaiton Azman. 2017. Penyertaan Sosial dan Indeks Kesejahteraan Sosial Subjektif Kanak-Kanak Miskin di Malaysia. *Akademika* 87(2): 105-118. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-08>
- Siti Nurhidayah. 2008. Pengaruh ibu bekerja dan peranan ayah dalam coparenting terhadap prestasi belajar anak-anak. *Jurnal Soul* 1(2): 1-14.
- Suryawati, C. 2005. Memahami kemiskinan secara multidimensional. *Jurnal Manajemen Pelayanan Kesehatan*: 121-129.
- UNESCO. 2019. *Social and Human Sciences*. Retrieved from UNESCO: <http://www.unesco.org/new/en/social-and-human-sciences/themes/youth/>
- United Nations. 2015. *Security Council, Unanimously Adopting Resolution 2250 (2015), Urges Member States to Increase Representation of Youth in Decision-Making at All Levels*. New York: United Nations.
- Wan Nor Azriyati, Faizah Ahmad, Noor Rosly Hanif, & Wang Hong Kok. 2011. Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying and Property*:107-124.
- Wilson, W. & Aponte, R. 1985. Urban poverty. *Annual Review of Sociology* 11: 231-258.
- Wratten, E. 1995. Conceptualizing urban poverty. *Environment & Urbanization Vol 7*: 11-38.
- Zaharah Omar, Rahim M. Sail, Ismi Arif Ismail, & Steven, E. 2011. Exploring career success of late bloomers from the TVET background. *Education + Training*, 603-624.
- Zurina Ahmad Saidi, Hukil Sino, & Norinsan Kamil Othman. 2018. Taraf Pendidikan dan sosio-ekonomi penduduk di Kampung Sungai Budor, Kelantan Darul Naim. *Akademika* 13(3): 222-233.
- Nor Azrul Mohd Zin**
Pusat Kajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: azrulmohdzin@gmail.com
- Noordeyana Tambi**(corresponding author)
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: deyana@ukm.edu.my
- Jamiah Manap**
Pusat Kajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.
Email: jamiah@ukm.edu.my
- Received:10 November 2019
Accepted:18 March 2020